KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

SEMPENA

MAJLIS PENUTUPAN DAN PENGIKTIRAFAN

ASEAN DAN ASIA RECORDS

BANDING TRAIL ADVENTURE (BTA) 2026

21 OGOS 2026 (JUMAAT)
BELUM RAINFOREST RESORT, PULAU BANDING, PERAK

[SALUTASI AKAN DIKEMASKINI]

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada *Pulau Banding Foundation* (PBF) selaku penganjur utama, berserta Universiti Malaysia Kelantan *Tropical Rainforest Research Centre* (UMK-TRaCe), atas jemputan kepada saya untuk bersama-sama menjayakan Majlis Penutupan *Banding Trail Adventure 2026* (BTA 2026) dan penyampaian Pengiktirafan *ASEAN* dan *Asia Records*.
2. Tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan program ini. Apa yang kita raikan pada hari ini bukan sekadar kejayaan menganjurkan sebuah program biodiversiti, tetapi kejayaan membina satu gerakan kolaboratif dalam satu misi yang sama, iaitu memelihara khazanah alam semula jadi negara.
3. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada semua peserta yang telah menunjukkan komitmen tinggi sepanjang ekspedisi yang telah berlangsung selama empat hari. Semangat, dedikasi dan rasa cinta saudara-saudari terhadap alam sekitar menjadi inspirasi kepada kita semua.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

KEKAYAAN BIODIVERSITI NEGARA DAN PERANAN KOMUNITI SETEMPAT

4. Malaysia diiktiraf sebagai salah sebuah negara mega biodiversiti dunia yang menjadi rumah kepada 15,000 spesies tumbuhan vaskular serta melebihi 4,000 spesies fauna. Kekayaan biodiversiti negara merupakan khazanah yang tidak ternilai dan menjadi aset strategik negara dalam mengukuhkan ekonomi, menjamin bekalan air bersih, menyokong keterjaminan makanan serta meningkatkan daya tahan negara terhadap perubahan iklim.
5. Lantaran itu, usaha memelihara biodiversiti ini tidak harus dipandang sebagai bebanan atau tugas pencinta alam semata-mata. Sebaliknya, ia adalah satu agenda murni pembangunan negara yang perlu kita dokong bersama-sama dengan penuh rasa tanggungjawab. Melalui pendekatan inklusif *whole-of-nation* dan *whole-of-society*, setiap langkah kecil yang kita ambil membawa makna yang amat besar.
6. Pendekatan ini tidak lengkap tanpa mengiktiraf penjaga asalnya bagi kawasan Belum-Temengor, iaitu komuniti orang asli Temiar dan Jahai. Komuniti ini telah tinggal di kawasan ini selama beberapa generasi, dengan cara hidup mereka sebati dalam struktur hutan hujan tropika. Cara hidup mampan diamalkan mereka, pengetahuan tradisional dan hubungan rohani yang mendalam dengan alam telah menyumbang kepada pemeliharaan keajaiban ekologi ini.

PEMELIHARAAN KOMPLEKS HUTAN BELUM-TEMENGOR SEBAGAI BENTENG EKOLOGI

7. Komitmen Malaysia dalam mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara di bawah litupan hutan dan pokok kekal kukuh sejak Sidang Kemuncak Bumi 1992 di Rio de Janeiro, yang mana litupan semasa kita mencapai 54.40 peratus atau 17.99 juta hektar.
8. Salah satu daripada kawasan tersebut adalah Kompleks Hutan Belum-Temengor yang merupakan antara hutan hujan tropika tertua di dunia yang telah wujud sejak lebih 130 juta tahun.
9. Kawasan ini bukan sahaja menjadi habitat kepada pelbagai spesies, malah memainkan peranan penting sebagai benteng ekologi yang mengekalkan keseimbangan alam sekitar di Semenanjung Malaysia.
10. Sebagai sokongan khusus kepada kawasan ini, Kerajaan Persekutuan melalui *Natural Conservation Trust Funds for Natural Resources* (NCTF) telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM250,000 kepada PBF bagi projek penyelidikan *"Assessing Wildlife Population Health and Prey-Predator Dynamics Through Salt Lick Usage In Temengor Reserve Forest"* untuk tempoh 2026 hingga 2027.

Hadirin yang dihormati,

SUMBANGAN STRATEGIK BTA 2026 DAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI MODEN

11. Saya menyambut baik inisiatif penganjuran *Banding Trail Adventure* (BTA 2026) yang mempunyai nilai strategik dalam membantu negara memperkukuh pengetahuan dan pangkalan data berkaitan kekayaan biodiversiti Malaysia.

12. BTA 2026 menggabungkan penyelidikan saintifik, dokumentasi biodiversiti dan penglibatan langsung sukarelawan yang terdiri daripada wakil agensi kerajaan, NGO, institusi pengajian tinggi, sektor korporat serta komuniti tempatan.
13. Pengaplikasian teknologi moden seperti penderiaan jauh (*remote sensing*), GIS, LiDAR, dan Kecerdasan Buatan (AI) kini menjadi pelengkap berharga kepada kepakaran lapangan dalam mengukuhkan pemantauan serta pembuatan keputusan berasaskan fakta saintifik.
14. Setiap dapatan spesies yang berjaya dikenal pasti dan didokumentasikan sepanjang program ini menyokong secara langsung perancangan negara. Ia memperkasakan *Malaysia Biodiversity Information System* (MyBIS) sebagai *Clearing House Mechanism* (CHM) di bawah *Convention on Biological Diversity* (CBD), sekali gus menjadi repositori utama negara dalam mencapai Sasaran 2, Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) 2022–2030.
15. Usaha murni melalui BTA 2026 turut selaras dengan kerangka *Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework* dalam memastikan sasaran melindungi sekurang-kurangnya 20 peratus kawasan daratan dan perairan pedalaman menjelang tahun 2030 dapat dicapai.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

MEMBENTUK GENERASI PEMELIHARA BIODIVERSITI

16. I hear and I forget. I see and I remember. I do and I understand. Confucius

17. Kata-kata ini mengingatkan kita bahawa ilmu yang sebenar bukan sekadar diperoleh melalui apa yang kita dengar atau baca, tetapi melalui pengalaman dan penglibatan secara langsung.

18. Justeru, saya amat berbangga melihat penglibatan aktif golongan belia dalam program ini. Pendedahan secara langsung kepada penyelidikan lapangan, dokumentasi biodiversiti dan interaksi bersama pakar memberi pengalaman yang tidak mungkin diperoleh hanya di dalam bilik kuliah.

19. Melalui pengalaman sebegini, kita bukan sahaja melahirkan generasi yang mengenali biodiversiti, malah membentuk generasi yang memahami kepentingan pemuliharaan, menghargai alam sekitar dan bersedia menjadi pemimpin kelestarian pada masa hadapan.

20. Inilah pendekatan yang perlu kita teruskan, daripada mendengar kepada melihat, daripada melihat kepada mengalami, dan daripada mengalami kepada memahami serta bertindak. Anak-anak muda inilah yang akan menentukan sama ada khazanah alam yang kita warisi hari ini akan terus terpelihara untuk generasi akan datang.

Hadirin yang dihormati,

PENUTUP

21. Hari ini kita bukan sekadar meraikan kejayaan sebuah program, kita turut meraikan pengiktirafan ASEAN Records dan Asia Records yang bakal diterima sebentar lagi. Kita meraikan kejayaan Malaysia membuktikan bahawa negara ini mampu menjadi peneraju dalam usaha dokumentasi biodiversiti, penyelidikan lapangan dan pemuliharaan berasaskan sains di rantau ASEAN.

22. Saya percaya kejayaan BTA 2026 bukanlah penamat kepada sebuah ekspedisi, sebaliknya merupakan titik permulaan kepada

usaha yang lebih besar dalam memperkukuh penyelidikan biodiversiti, memperluaskan kerjasama strategik serta memupuk budaya menghargai alam sekitar dalam kalangan masyarakat.

23. Kepada para penyelidik muda dan rakan akademik, gunakanlah dapatan saintifik ini untuk menterjemahkan ilmu kepada penyelesaian yang memelihara ekosistem dan mensejahterakan kehidupan rakyat.

24. Marilah kita terus melangkah bersama, berganding bahu dengan penuh keharmonian demi memastikan keindahan khazanah biodiversiti tanah air ini kekal terpelihara untuk dinikmati oleh generasi hari ini dan diwarisi oleh generasi masa hadapan.

Saya dengan sukacitanya merasmikan **MAJLIS PENUTUPAN DAN PENGIKTIRAFAN ASEAN DAN ASIA RECORDS BANDING TRAIL ADVENTURE (BTA) 2026.**

Sekian, terima kasih.